

AGENDA 3

**MEMBENTANG DAN MELULUSKAN
LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2025
BERSERTA LAPORAN JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 3

MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2025 BERSERTA LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk makluman dan kelulusan perwakilan berkaitan laporan aktiviti dan pencapaian tahun 2025 serta laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD).

LEMBAGA

2. Barisan Lembaga terdiri daripada tiga (3) anggota yang dilantik oleh FELDA untuk memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari manakala sembilan (9) lagi anggota dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT), mengikut peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil (UUK) 36.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

3. Barisan Lembaga terdiri daripada tiga (3) anggota yang dilantik oleh FELDA untuk memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari manakala sembilan (9) lagi anggota dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT), mengikut peruntukan fasal (1) Undang-undang Kecil (UUK) 36.

- (a) Jawatankuasa Audit Dalaman
- (b) Jawatankuasa Syariah
- (c) Jawatankuasa Imbuan dan Pencalonan
- (d) Jawatankuasa Pencalonan MAPT
- (e) Jawatankuasa Pelaburan dan Perniagaan

4. Di samping jawatankuasa utama, Lembaga juga menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi memberi tumpuan kepada tugas khas yang telah diputuskan Lembaga dari semasa ke semasa, iaitu:

- (a) Jawatankuasa Khas Keanggotaan
- (b) Jawatankuasa Khas Pembelian Buah Tandan Segar

5. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dianggotai oleh anggota Lembaga, anggota dan beberapa individu profesional yang mempunyai latar belakang dan kemahiran yang berkemampuan mengikut fungsi jawatankuasa ditubuhkan.

PENGURUSAN

6. Dalam memastikan polisi, dasar dan pelan hala tuju yang diputuskan oleh Lembaga dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan, Lembaga disokong oleh kumpulan pengurusan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan manakala di syarikat Kumpulan pula diketuai oleh Ketua Syarikat masing-masing.

PETUGAS

7. Sehingga 31 Disember 2025, bilangan petugas Kumpulan adalah seramai 1,024 petugas berbanding tahun 2024 berjumlah 1,009 petugas. Maklumat adalah seperti berikut:

Bil	Entiti/ Syarikat	Bilangan Petugas		
		2025	2024	Perubahan
1	KPF	233	233	-
2	KPF Niaga	359	366	(7)
3	KPF Trading	17	15	2
4	KPF Plantation	157	159	(2)
5	Felda D'Saji	133	121	12
6	KPF Hotel Management	115	107	8
7	KPF Agro Properties	10	8	2
Jumlah		1,024	1,009	15

8. Pertambahan petugas seramai 24 orang adalah disebabkan keperluan operasi di syarikat-syarikat berkaitan manakala pengurangan petugas seramai sembilan (9) orang disebabkan petugas yang telah tamat perkhidmatan, pencen dan berhenti.

KEANGGOTAAN DAN MODAL SYER

9. Jumlah keanggotaan sehingga 31 Disember 2025 adalah seramai 252,431 anggota (2024: 253,511) berkurang sebanyak 1,080 anggota atau 0.43%. Bilangan anggota baharu dalam tahun 2025 mencatatkan penambahan seramai 1,239 anggota manakala seramai 2,319 terhenti menjadi anggota mengikut fasal (1) UUK 21. Maklumat keanggotaan adalah seperti berikut:

Kategori Anggota	2024	2025		2025	Perubahan (%)	Taburan (%)
		Anggota Baru	Terhenti Anggota			
Peneroka	223,480	1,195	(2,098)	222,577	(0.40)	88.17
Koperasi Peneroka	289	-	(1)	288	(0.35)	0.11
Jumlah	223,769	1,195	(2,099)	222,865	(0.40)	88.29
Kakitangan	29,738	44	(220)	29,562	(0.59)	11.71
Koperasi Kakitangan	4	-	-	4	-	-
Jumlah	29,742	44	(220)	29,566	(0.59)	11.71
Jumlah Keseluruhan	253,511	1,239	(2,319)	252,431	(0.43)	100.00

10. Kumpulan Peneroka mencatatkan taburan terbesar iaitu seramai 222,865 anggota atau 88.29% daripada keseluruhan anggota manakala Kumpulan Kakitangan iaitu seramai 29,566 anggota merupakan 11.71% daripada keseluruhan anggota.

11. Modal syer anggota sehingga 31 Disember 2025 adalah berjumlah RM2,213.0 juta, menurun sebanyak RM55.43 juta atau 2.44% berbanding tahun 2024 berjumlah RM2,268.4 juta. Maklumat modal syer anggota adalah seperti berikut:

Kategori Anggota	Modal Syer (RM'000)				Perubahan (%)	Taburan (%)
	Baki Buka	Langganan	Pengeluaran	Baki Akhir		
Peneroka	1,680,671	44,031	(69,026)	1,655,676	(1.49)	74.82
Koperasi Peneroka	59,314	1,140	(434)	60,021	1.19	2.71
Jumlah	1,739,986	45,171	(69,460)	1,715,697	(1.40)	77.53
Kakitangan	518,604	9,137	(40,782)	486,959	(6.10)	22.00
Koperasi Kakitangan	9,817	504	-	10,321	5.13	0.47
Jumlah	528,421	9,641	(40,782)	497,280	(5.89)	22.47
Jumlah Keseluruhan	2,268,407	54,812	(110,242)	2,212,977	(2.44)	100.00

12. Lembaga mengambil serius berkaitan rungutan dan keresahan anggota berhubung isu pengeluaran modal syer dan sentiasa berusaha memenuhi tuntutan tersebut. Dalam tahun 2025, sebanyak 1,373 permohonan pengeluaran syer (permohonan ogos hingga disember 2023) oleh anggota telah diproses dan dibayar berjumlah RM80.64 juta. Selain itu, bayaran pengeluaran syer oleh anggota bagi permohonan kritikal dan mendesak seperti haji, umrah, agama, perubatan, anggota meninggal, mahkamah, pendidikan dan keperluan lain berjumlah RM29.6 juta bagi permohonan yang dibuat dalam tahun 2024 dan 2025.

13. Keseluruhan bayaran yang telah dibuat adalah sebanyak RM110.24 juta. Baki bayaran yang masih belum diproses dan dibayar berjumlah RM370.18 juta melibatkan 10,586 permohonan anggota. Bayaran dibuat secara berperingkat mengikut ketersediaan tunai.

PELABURAN DAN PERNIAGAAN

14. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah aset pelaburan bernilai RM3,712.98 juta, menurun sebanyak RM192.51 juta atau 4.93% berbanding tahun 2024 berjumlah RM3,905.50 juta. Maklumat aset pelaburan mengikut bidang keberhasilan adalah seperti berikut:

Bidang Keberhasilan	Sehingga 31 Dis 2025		Sehingga 31 Dis 2024		Perubahan	
	Kos (RM'000)	Taburan (%)	Kos (RM'000)	Taburan (%)	(RM'000)	(%)
PELABURAN KORPORAT						
Syarikat Kumpulan FGV	61,902	1.67	187,015	4.79	(125,113)	(66.90)
Syarikat Kumpulan KPF	158,047	4.26	158,047	4.05	-	-
Koperasi	63,387	1.71	63,387	1.62	-	-
Syarikat Usaha Sama/Luar	39,306	1.06	38,056	0.97	1,250	3.28
Projek Khas	2,760	0.07	2,760	0.07	-	-
Jumlah	325,402	8.76	449,265	11.50	(123,863)	(27.57)
PERLADANGAN						
Ladang KPF Samarahan	996,901	26.85	1,195,751	30.62	(198,850)	(16.63)
Ladang KPF Gua Musang	377,521	10.17	372,299	9.53	5,222	1.40
BKS FELDA	22,000	0.59	19,256	0.49	2,744	14.25
Jumlah	1,396,422	37.61	1,587,306	40.64	(190,884)	(12.03)
HARTANAH						
Bangunan Komersial	507,000	13.65	513,620	13.15	(6,620)	(1.29)
Hotel	252,000	6.79	191,302	4.90	60,698	31.73
Tanah Pembangunan	151,793	4.09	151,493	3.88	300	0.20
Hartanah Pajak	119,379	3.22	119,379	3.06	-	-
<i>Hypermarket</i>	100,000	2.69	93,800	2.40	6,200	6.61
Kedai Pejabat	8,400	0.23	10,890	0.28	(2,490)	(22.87)
Logistik	1,730	0.05	3,900	0.10	(2,170)	(55.64)
Jumlah	1,140,302	30.71	1,084,384	27.77	55,918	5.16
PASARAN MODAL						
Pasaran Sekuriti	489,543	13.18	488,987	12.52	556	0.11
Pasaran Wang	45,711	1.23	3,811	0.10	41,900	1,099.45
Jumlah	535,254	14.42	492,798	12.62	42,456	8.62
PERBANKAN KOMERSIAL						
Perbankan Komersial	111,313	3.00	109,835	2.81	1,478	1.35
Jumlah	111,313	3.00	109,835	2.81	1,478	1.35
PERKHIDMATAN AR RAHNU						
Operasi Ar Rahn	203,649	5.48	181,216	4.64	22,433	12.38
Urus Niaga Emas	642	0.02	692	0.02	(50)	(7.23)
Jumlah	204,291	5.50	181,908	4.66	22,383	12.30
Jumlah Keseluruhan	3,712,984	100.00	3,905,496	100.00	(192,512)	(4.93)

Rumusan Pendapatan Mengikut Bidang Keberhasilan

15. Sehingga 31 Disember 2025, aktiviti pelaburan dan perniagaan mencatatkan pendapatan berjumlah RM489.86 juta, meningkat sebanyak RM56.51 juta atau 13.04% berbanding tempoh yang sama 2024 berjumlah RM433.35 juta. Maklumat pendapatan adalah seperti berikut:

Bidang Keberhasilan	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
PELABURAN KORPORAT				
Syarikat Kumpulan FGV	148,506	118,867	29,639	24.93
Syarikat Kumpulan KPF	5,949	2,723	3,226	118.47
Koperasi	9,407	9,407	-	-
Syarikat Usaha Sama/Luar	-	33	(33)	(100.00)
Projek Khas	294	596	(302)	(50.67)
Jumlah	164,156	131,626	32,530	24.71
PERLADANGAN				
Ladang KPF Samarahan	197,017	188,477	8,540	4.53
Ladang KPF Gua Musang	48,656	36,580	12,076	33.01
BKS FELDA	18,281	11,798	6,483	54.95
Jumlah	263,954	236,855	27,099	11.44
HARTANAH				
Bangunan Komersial	15,627	21,685	(6,058)	(27.94)
Hotel	2,500	2,628	(128)	(4.87)
Tanah Pembangunan	79	-	79	100.00
<i>Hypermarket</i>	6,000	6,000	-	-
Kedai Pejabat	171	227	(56)	(24.67)
Logistik	95	121	(26)	(21.49)
Jumlah	24,472	30,661	(6,189)	(20.19)
PASARAN MODAL				
Pasaran Sekuriti	530	-	530	100.00
Pasaran Wang	733	1,528	(795)	(52.03)
Jumlah	1,263	1,528	(265)	(17.34)
PERBANKAN KOMERSIAL				
Perbankan Komersial	7,979	8,237	(258)	(3.13)
Jumlah	7,979	8,237	(258)	(3.13)
PERKHIDMATAN AR RAHNU				
Operasi Ar Rahn	24,917	22,158	2,759	12.45
Urus Niaga Emas	3,123	2,287	836	36.55
Jumlah	28,040	24,445	3,595	14.71
Jumlah Keseluruhan	489,864	433,352	56,512	13.04

PELABURAN KORPORAT

Syarikat Kumpulan FGV

16. Maklumat pelaburan dalam Syarikat Kumpulan FGV adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	2025		2024		Ekuiti (%)
		Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)	
1.	FGV Palm Industries	57,957	59,452	57,957	59,452	28.00
2.	FGV Agri Services	-	-	15,000	55,500	23.10
3.	FGV Refineries	-	-	25,000	34,500	33.30
4.	FGV Prodata Systems	-	-	2,500	16,825	20.00
5.	FGV Transport Services	-	-	14,700	6,770	49.00
6.	FGV Rubber Industries	-	-	12,000	6,000	28.60
7.	FGV Marketing Services	-	-	8,330	3,565	49.00
8.	FGV Kernel Products	-	-	4,000	3,000	16.70
9.	Felda Engineering Services	4,900	2,450	4,900	2,450	49.00
10.	FGV Security Services	-	-	1,411	353	49.00
Jumlah		62,857	61,902	144,398	187,015	

Pendapatan Syarikat Kumpulan FGV

17. Pendapatan dividen daripada Syarikat Kumpulan FGV bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM106.10 juta menurun RM12.77 juta atau 10.74% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM118.87 juta. Maklumat pendapatan adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	FGV Palm Industries	35,934	104,326	(68,392)	(65.56)
2.	FGV Agri Services	42,000	7,200	34,800	483.33
3.	FGV Refineries	-	-	-	-
4.	Felda Prodata Systems	625	375	250	66.67
5.	FGV Transport Services	13,720	2,205	11,515	522.22
6.	FGV Rubber Industries	-	-	-	-
7.	FGV Marketing Services	-	(249)	249	(100.00)
8.	FGV Kernel Products	13,333	600	12,733	2,122.17
9.	Felda Engineering Services	490	4,410	(3,920)	(88.89)
10.	FGV Security Services	-	-	-	-
Jumlah		106,102	118,867	(12,765)	(10.74)

18. Eksesais pelan penstrukturan aset pelaburan dalam Syarikat Kumpulan FGV telah dimuktamadkan pada Julai 2025 dimana lapan (8) buah syarikat terlibat iaitu FGV Agri Services, FGV Refineries, Felda Prodata Systems, FGV Transport Services, FGV Rubber Industries, FGV Marketing Services, FGV Kernel Products dan FGV Security Services. Perolehan daripada eksesais ini adalah sebanyak RM229.75 juta dengan keuntungan sebanyak RM42.36 juta.

19. Jumlah keseluruhan pendapatan daripada Syarikat Kumpulan FGV pada tahun 2025 adalah berjumlah RM148.51 juta meningkat sebanyak RM29.64 juta atau 24.93% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024.

Syarikat Kumpulan KPF

20. Pelaburan dalam Syarikat Kumpulan KPF adalah berjumlah RM158.05 juta melalui pegangan ekuiti dalam tujuh (7) syarikat seperti berikut:

Bil.	Syarikat	2025		2024		Ekuiti (%)
		Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)	
1.	KPF Trading	150,000	37,350	150,000	37,350	100.00
2.	KPF Plantation	1,000	1,000	1,000	1,000	100.00
3.	KPF Hotel Management	74,125	74,125	74,125	74,125	100.00
4.	KPF Niaga	8,000	8,000	8,000	8,000	100.00
5.	KPF Agro Properties	900	11,904	900	11,904	90.00
6.	Felda D'Saji	6,000	10,168	6,000	10,168	60.00
7.	KPF Farming*	15,500	15,500	15,500	15,500	100.00
Jumlah		255,525	158,047	255,525	158,047	-

Nota: *Tidak aktif

Prestasi Syarikat Kumpulan KPF

21. Maklumat ringkasan prestasi Syarikat Kumpulan KPF 2025 adalah seperti berikut:

(a) KPF Trading

Maklumat prestasi kewangan adalah seperti berikut:

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	11,387	13,957	(2,570)	(18.41)
Keuntungan Kasar	3,993	3,176	817	25.73
Kerugian Bersih	4,374	(11,986)	16,360	136.49

- KPF Trading merekodkan keuntungan sebanyak RM4.37 juta pada tahun 2025 berbanding kerugian 2024 berjumlah RM11.99 juta, iaitu meningkat sebanyak 136.49%.
- Peningkatan keuntungan prestasi berikutan daripada impak daripada penstrukturan yang dilaksanakan pada tahun 2023 melibatkan pembukaan semula kedai D'Mart dengan wajah baharu di bawah jenama D'Mart Segi Fresh. Sehingga 31 Disember 2025 sebanyak 54 buah kedai telah dibuka dan beroperasi. Kedai-kedai D'Mart lain akan dibuka secara berperingkat tertakluk kajian kebolehlaksanaan.

(b) KPF Niaga

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	389,353	358,688	30,665	8.55
Keuntungan Kasar	32,720	27,329	5,392	19.73
Keuntungan Bersih	5,776	3,314	2,462	74.29

- KPF Niaga mencatatkan keuntungan sebanyak RM5.77 juta pada tahun 2025, meningkat sebanyak RM2.46 juta berbanding tahun 2024 berjumlah RM3.31 juta atau 74.29%.
- Peningkatan prestasi keuntungan ini didorong oleh peningkatan jualan stesen minyak, perkhidmatan bekalan dan insurans.

(c) Felda D'Saji

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	30,842	29,140	1,702	5.84
Keuntungan Kasar	12,367	12,307	60	0.49
Keuntungan Bersih	1,377	3,121	(1,744)	(55.88)

- (i) Felda D'Saji mencatatkan keuntungan berjumlah RM1.38 juta pada tahun 2025 berbanding RM3.12 juta pada tahun 2024, berkurang sebanyak RM1.74 juta atau 55.88%.
- (ii) Kemerosotan keuntungan ini disebabkan oleh kenaikan kos sewaan operasi restoran D'Saji di Makkah.

(d) KPF Agro Properties

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	7,670	738	6,932	939.30
Keuntungan Kasar	409	234	175	74.79
Kerugian Bersih	(690)	(1,143)	453	(39.63)

- (i) KPF Agro Properties mencatatkan kerugian sebanyak RM0.69 juta berbanding RM1.14 juta pada tempoh yang sama 2024 iaitu pengurangan sebanyak 39.63%.
- (ii) Pengurangan kerugian ini disumbangkan oleh peningkatan pendapatan melalui perolehan kontrak kerja-kerja baharu pembangunan dan penyelenggaraan ladang sawit.

(e) KPF Plantation

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	5,535	4,776	759	15.89
Keuntungan Kasar	4,511	4,146	365	8.80
Keuntungan Bersih	619	767	(148)	(19.30)

- (i) Pada tahun 2025, KPF Plantation (agensy yang menguruskan ladang dan kilang milik KPF) merekodkan keuntungan sebanyak RM0.62 juta, menurun sebanyak RM0.15 juta berbanding 2024 berjumlah RM0.77 juta.

(f) KPF Hotel Management

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	34,691	33,271	1,420	4.27
Keuntungan Kasar	20,444	23,461	(3,017)	(12.86)
Kerugian Bersih	(2,124)	(2,240)	116	5.18

- (i) Bagi tahun 2025, KPF Hotel Management mencatatkan kerugian sebanyak RM2.12 juta berbanding RM2.24 juta pada tahun 2024. Prestasi yang bertambah baik ini didorong oleh strategi harga dalam tawaran penjualan pakej penginapan.
- (ii) Strategi ke hadapan adalah untuk meningkatkan pendapatan Hotel Tenera melalui penyediaan pakej-pakej penginapan yang lebih menarik, meningkatkan penjualan pakej mesyuarat dan seminar serta menjadi hos kepada program-program berkaitan agensi kerajaan, temasya dan program sukan.

Pendapatan Syarikat Kumpulan KPF

22. Pendapatan daripada Syarikat Kumpulan KPF bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM5.95 juta meningkat RM3.23 juta atau 118.47% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM2.72 juta. Maklumat adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	KPF Trading	2,187	50	2,137	4,274.0
2.	KPF Niaga	2,787	1,595	1,192	74.73
3.	Felda D'Saji	413	180	233	129.44
4.	KPF Agro Properties	103	50	53	106.0
5.	KPF Plantation	309	498	(189)	(37.95)
6.	KPF Hotel Management	150	150	-	100.00
7.	KPF Palm Oil Mill	-	200	(200)	(100.00)
	Jumlah	5,949	2,723	3,226	118.47

23. Secara keseluruhan operasi dan pengurusan Syarikat Kumpulan KPF adalah lebih baik berbanding 2024.

Koperasi

24. Pemilikan modal syer dalam koperasi berjumlah RM63.39 juta seperti berikut:

Bil.	Koperasi	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	52,880	52,880
2.	Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	10,484	10,484
3.	Federasi Koperasi Hartanah & Industri Pembinaan Berhad	5	5
4.	Federasi Koperasi Perladangan Berhad	3	3
5.	Federasi Koperasi Pemborongan & Peruncitan Berhad	5	5
6.	Federasi Koperasi Pertanian Dan Industri Asas Tani Berhad	10	10
	Jumlah	63,387	63,387

Pendapatan Dividen Koperasi

25. Pendapatan dari dividen koperasi bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Bil.	Koperasi	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	8,725	8,725	-	-
2.	Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	681	682	(1)	(0.15)
3.	Federasi Koperasi Pemborongan & Peruncitan	1	-	1	100.00
	Jumlah	9,407	9,407	-	-

Syarikat Usaha Sama/Luar

26. Pegangan ekuiti dan kos pelaburan bagi tahun 2025 berbanding tempoh yang sama 2024 di dalam syarikat-syarikat usaha sama/luar adalah seperti berikut:

Syarikat	2025		2024		Ekuiti (%)
	Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)	
DANA PELABURAN USAHA SAMA					
COPE-KPF Opportunities 1	36,330	36,330	35,080	35,080	49.90
SYARIKAT BERSEKUTU LUAR					
Noweia Industries	2,076	2,076	2,076	2,076	33.49
Felkur Survey Services	35	700	35	700	20.00
Sustainable Future	200	200	200	200	20.00
EKUITI PERSENDIRIAN					
Elna PCB	1,200	-	1,200	-	0.39
Jumlah	39,841	39,306	38,591	38,056	-

Pendapatan Syarikat Usaha Sama/Luar

27. Tiada pendapatan bagi tahun 2025 dicatatkan manakala pada tahun 2024 adalah sebanyak RM0.03 juta ini adalah kerana tiada eksesais pelupusan (*exit*) atas pelaburan yang dibuat oleh dana usaha sama kerana ianya belum matang.

Projek Khas

28. Kos pelaburan dalam projek rintis Program Pembangunan Peneroka (PPP) di Felda Bukit Rokan adalah berjumlah RM2.76 juta seperti berikut:

Bil.	Projek	2025	2024
		Kos (RM'000)	Kos (RM'000)
1.	Tanaman Fertigasi	1,806	1,806
2.	Ternakan Arnab Pedaging	954	954
Jumlah		2,760	2,760

Pendapatan Projek Khas

29. Pendapatan daripada projek PPP bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM0.29 juta (aktiviti pertanian, ternakan dan ejen perolehan), menurun sebanyak RM0.3 juta atau 50.67% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM0.59 juta seperti berikut:

Bil.	Projek Khas	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Projek Rintis Felda Bukit Rokan	241	367	(126)	(34.33)
2.	Ejen Perolehan & Pembekalan	53	229	(176)	(76.86)
Jumlah		294	596	(302)	(50.67)

30. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh kekurangan bilangan kerja-kerja perolehan pembekalan input pertanian dan ternakan oleh FELDA bagi tahun 2025 iaitu sebanyak 31 projek atau jumlah pembekalan RM1.02 juta berbanding tahun 2024 sebanyak 59 projek atau RM4.03 juta.

PERLADANGAN

31. Sehingga kini, KPF memiliki ladang sawit seluas 20,139.28 hektar (49,763.16 ekar) di dua (2) kawasan operasi iaitu Ladang KPF Samarahan, Sarawak dengan keluasan 15,366.76 hektar (37,971.26 ekar) dan Ladang KPF Gua Musang, Kelantan dengan keluasan 4,772.52 hektar (11,791.90 ekar). Ladang-ladang tersebut diuruskan oleh syarikat subsidiari iaitu KPF Plantation.

32. Maklumat hasil ladang dan kilang adalah seperti berikut:

Bil.	Ladang	Hasil	2025		2024		Perubahan (%)
			MT	MT/Ha	MT	MT/Ha	
1.	Ladang KPF Samarahan	BTS	177,974	18.43	140,458	14.96	26.71
2.	Ladang KPF Gua Musang	BTS	53,322	16.65	38,603	14.29	38.13
Jumlah Keseluruhan			231,296	17.98	179,061	14.81	29.17

33. Keseluruhan hasil pengeluaran BTS adalah sebanyak 231,296 MT atau 17.98 MT/Ha meningkat sebanyak 29.17% (52,235 MT atau 3.17MT/Ha) berbanding tahun 2024.

Bil.	Operasi	Hasil	2025		2024		Perubahan (%)
			MT	(%)	MT	(%)	
1.	Kilang Sawit Ensengei	MSM	38,768	16.28	40,903	17.03	(5.21)
		IS	7,514	3.16	7,457	3.10	0.76

34. Kilang Sawit KPF Ensengei, Samarahan menghasilkan minyak sawit mentah (MSM) sebanyak 38,768 MT dengan kadar perahan minyak (OER) 16.28% menyusut sebanyak 5.21% berbanding tahun 2024 sebanyak 40,903 MT dengan OER 17.03%. Manakala pengeluaran hasil isi sawit (IS) adalah berjumlah 7,514 MT dengan kadar perahan 3.16% meningkat 0.76% berbanding tahun 2024 sebanyak 7,457 MT dengan kadar perahan 3.10%.

35. Penurunan OER disebabkan oleh kualiti buah yang kurang baik seperti buah partenokarpi, serta faktor cuaca seperti hujan tinggi yang mempengaruhi kandungan minyak dalam mesokarpi.

Aktiviti Membeli, Menjual dan Mengalih BTS

36. Maklumat urus niaga aktiviti membeli, menjual dan mengalih BTS di rancangan-rancangan FELDA adalah seperti berikut:

Perkara	2025	2024	Perubahan (%)
Urus Niaga BTS			
Bilangan Rancangan	84	66	27.27
Bilangan Peneroka	19,861	12,260	62.00
Berat (MT)	875,021	649,593	34.70
Jumlah Nilai Urus Niaga (RM'000)	785,230	559,272	40.40
Kutipan Hutang Peneroka (RM'000)	10,390	6,233	66.69
Kontrak FELDA			
Bilangan Pusat Mengumpul Sawit	17	4	325.00
Bilangan Rancangan	23	10	130.00
Berat (MT)	231,794	75,527	206.90
Jumlah Nilai Urus Niaga (RM'000)	206,637	67,318	206.96
Jumlah Keseluruhan Urus Niaga (RM'000)	991,867	626,590	58.30

37. Urus niaga BTS Peneroka FELDA menunjukkan peningkatan bilangan rancangan terlibat sebanyak 27.27% daripada 66 rancangan kepada 84 rancangan; dengan penambahan 7,601 peneroka mandiri atau 62.0% berbanding 2024. Jumlah BTS yang diurus niaga meningkat 34.70% daripada 649,593 MT kepada 875,021 MT, manakala nilai urus niaga melonjak 40.40% daripada RM559.27 juta kepada RM785.23 juta. Kutipan hutang peneroka mandiri juga meningkat sebanyak RM4.16 juta atau 66.69% berbanding 2024. Ini menunjukkan sokongan peneroka mandiri yang lebih baik kepada inisiatif anjuran FELDA.

38. Aktiviti belian BTS melalui kontrak FELDA merekodkan sebanyak 231,794 MT, meningkat 206.90% berbanding tahun 2024, dengan nilai urus niaga mencecah RM206.64 juta. Urus niaga ini melibatkan 23 rancangan FELDA serta 17 buah Pusat Mengumpul Sawit (PMS).

Pendapatan Perladangan

Bil.	Aktiviti Perladangan	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Ladang KPF Samarahan	197,017	188,477	8,540	4.53
2.	Ladang KPF Gua Musang	48,656	36,580	12,076	33.01
3.	BTS FELDA	18,281	11,798	6,483	54.95
Jumlah Keseluruhan		263,954	236,855	27,099	11.44

39. Pendapatan keseluruhan aktiviti perladangan bagi tahun 2025 meningkat sebanyak RM27.1 juta atau 11.44% berbanding 2024. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor harga sawit yang lebih baik, peningkatan hasil ladang, serta peranan aktif KPF dalam urus niaga belian BTS melalui pertambahan bilangan rancangan baharu, penyertaan peneroka dan kontrak belian bagi rancangan-rancangan yang menghantar hasil ke kilang swasta.

40. Ladang KPF Samarahan mencatatkan kenaikan pendapatan sebanyak RM8.54 juta, diikuti Ladang KPF Gua Musang sebanyak RM12.07 juta dan aktiviti belian BTS FELDA sebanyak RM6.48 juta.

41. Dengan prestasi semasa dan penyusunan strategi yang kekal stabil, pendapatan perladangan dijangka mampu terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan KPF untuk tahun-tahun ke hadapan.

HARTANAH

42. Portfolio hartanah sehingga 31 Disember 2025 berjumlah RM1,140.30 juta seperti berikut:

Hartanah	Kos Semasa/ Nilai Buku (RM'000)	Keluasan (k/p)	Kadar Penghunian (%)	
			2024	2025
PEJABAT				
The ICON – West Wing	230,000	241,373	63	66
Blok E, Southgate Commercial Centre	175,000	204,084	37	38
ICON City, Petaling Jaya	72,000	105,354	31	50
Blok P, Garden Office Encorp Strand	30,000	47,977	100	100
Jumlah	507,000	-	-	-
HOTEL				
Hotel Tenera	252,000	71,719	100	100
Jumlah	252,000	-	-	-
TANAH PEMBANGUNAN				
Mukim Galas, Gua Musang	136,093	2,793 ekar	-	-
Lot 1158, Kg Baru	15,700	13,050	-	-
Jumlah	151,793	-	-	-
HARTANAH PAJAKAN				
Hotel Dar Um Al-Qura, Makkah	119,379	-	100	100
Jumlah	119,379	-	-	-
HYPERMARKET				
Giant, Lagenda Galleria Bandar Baru Tunjong	100,000	205,707	100	100
Jumlah	100,000	-	-	-
KEDAI PEJABAT				
Putrajaya, Wilayah Persekutuan	2,500	3,840	-	-
Jengka, Pahang	1,000	2,637	33	33

Hartanah	Kos Semasa/ Nilai Buku (RM'000)	Keluasan (k/p)	Kadar Penghunian (%)	
			2024	2025
POIC, Lahad Datu, Sabah	4,900	21,452	100	100
Jumlah	8,400	-	-	-
LOGISTIK				
B2, POIC, Lahad Datu, Sabah	1,730	6,593	100	100
Jumlah	1,730	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	1,140,302	-	-	-

Pendapatan Hartanah

43. Pendapatan dari aktiviti hartanah bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM24.47 juta, berkurang sebanyak RM6.19 juta atau 20.19% berbanding tahun 2024 berjumlah RM30.66 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jumlah *Liquidated Ascertain Damages* (LAD) bangunan ICON City, Petaling Jaya berjumlah RM4.69 juta yang direkodkan sebagai pendapatan (*one-off*) dalam tahun 2024 dan penamatan penyewaan oleh penyewa di bangunan The ICON-West Wing, Jalan Tun Razak berjumlah RM1.50 juta.

PASARAN MODAL

Pasaran Sekuriti

44. Pada 31 Disember 2025, Indeks FBM KLCI ditutup pada 1,680.11 mata berbanding 1,642.33 mata bagi tempoh yang sama tahun 2024, peningkatan sebanyak 37.78 mata ataupun 2.30%. Maklumat portfolio (dana) sekuriti pasaran adalah seperti berikut:

Bil.	Portfolio	2025		2024	
		Unit (‘000)	Kos (RM'000)	Unit (‘000)	Kos (RM'000)
1.	Dana Urusniaga	310	556	-	-
2.	Dana Jangka Panjang*	130,602	488,987	130,602	488,987
Jumlah		130,912	489,543	130,602	488,987

Nota: *Pelaburan dalam MSM dan Shopper360

45. Pendapatan daripada sekuriti pasaran tahun 2025 adalah sebanyak RM0.53 juta (2024: RM Nil).

Pasaran Wang

46. Tunai tersimpan di bank/institusi kewangan dalam bentuk deposit berjangka dan saham amanah adalah seperti berikut:

Bil.	Portfolio	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)
1.	Deposit/Simpanan Tetap	44,900	3,000
2.	Saham Amanah	811	811
Jumlah		45,711	3,811

47. Pendapatan pasaran wang bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM0.73 juta, menurun sebanyak RM0.8 juta atau 52.03% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM1.53 juta.

Pendapatan Pasaran Modal

48. Pendapatan daripada aktiviti pasaran modal bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM1.26 juta, menurun sebanyak RM0.27 juta atau 17.34% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM1.53 juta. Penurunan ini disebabkan tunai yang dijana daripada aktiviti pelaburan dan perniagaan digunakan untuk bayaran pengeluaran modal syer anggota.

PERBANKAN KOMERSIAL

Pembiayaan

49. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah baki pembiayaan aktif direkodkan sebanyak RM111.31 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.48 juta atau 1.35% berbanding RM109.83 juta pada tahun 2024. Maklumat adalah seperti berikut:

Bil.	Produk	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)
1.	Peribadi- <i>i</i> /Mikro- <i>i</i> /Tunai- <i>i</i>	29,590	27,924
2.	Koop- <i>i</i>	5,216	5,404
3.	Korporat- <i>i</i>	1,590	1,590
4.	Berputar (<i>Revolving Credit-i</i>)	4,609	4,609
5.	Niaga- <i>i</i>	15,645	15,645
6.	Berjangka	54,663	54,663
Jumlah		111,313	109,835

Deposit

50. Jumlah deposit berjangka daripada anggota adalah seperti berikut:

Bil.	Deposit	2025		2024	
		Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)	Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)
1.	Premium Mudharabah	1,348	85,885	1,365	86,053
2.	Mudharabah	6	254	6	250
Jumlah		1,354	86,139	1,371	86,303

51. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah deposit terkumpul adalah berjumlah RM86.14 juta dengan bilangan akaun 1,354, susut sebanyak RM0.16 juta atau 0.19% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM86.30 juta dengan 1,371 akaun. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengeluaran deposit oleh Pertubuhan Peneroka dan pendeposit individu (Kalabakan).

Pendapatan Perbankan Komersial

52. Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan bagi tahun 2025 berjumlah RM7.98 juta, merosot sebanyak RM0.26 juta atau 3.13% berbanding RM8.24 juta yang direkodkan pada tahun 2024. Penurunan ini berpunca daripada kekangan dana (aliran tunai pengeluaran pembiayaan) bagi menyokong perkembangan aktiviti ini.

PERKHIDMATAN AR RAHNU

53. Aktiviti ar rahnu telah merekodkan pengeluaran pembiayaan berjumlah RM203.65 juta iaitu meningkat sebanyak RM 22.43 juta atau 12.38% pada tahun 2025 berbanding RM181.22 juta pada tahun 2024.

54. Prestasi operasi dan kewangan adalah seperti berikut:

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM)	(%)
Operasi Ar Rahn				
Nilai Marhun	319,612	278,495	41,117	14.76
Nilai Pembiayaan	203,649	181,216	22,433	12.38
Pendapatan	24,917	22,158	2,759	12.45
Urus Niaga Emas				
Nilai Baki Stok Emas	642	692	(50)	(7.23)
Pendapatan	3,123	2,287	836	36.55
Jumlah Pendapatan	28,040	24,445	3,595	14.71

Pendapatan Perkhidmatan Ar Rahn

55. Pendapatan operasi cawangan ar rahn bagi tahun 2025 berjumlah RM24.92 juta meningkat sebanyak RM2.76 juta atau 12.45% berbanding tempoh yang sama tahun 2024.

56. Aktiviti urus niaga emas juga turut mencatat peningkatan pendapatan bagi tahun 2025 berjumlah RM3.12 juta atau 36.55% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM2.28 juta.

SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

Khairat Kematian

57. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 2,695 tuntutan (Kumpulan peneroka: 2,598; Kumpulan kakitangan: 97) berjumlah RM2.62 juta. Jumlah yang telah diluluskan dan dibayar kepada waris anggota adalah sebanyak 1,144 tuntutan (Kumpulan peneroka: 1,093; Kumpulan kakitangan: 51) yang berjumlah RM1.1 juta. Baki khairat kematian sebanyak 1,551 tuntutan (Kumpulan peneroka: 1,505; Kumpulan kakitangan: 46) berjumlah RM1.62 juta dibayar berperingkat-peringkat mengikut kedudukan aliran tunai.

Tanggungjawab Sosial

58. KPF turut menekankan kepentingan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap anggota, petugas serta masyarakat setempat. Sebagai organisasi yang prihatin, KPF telah melaksanakan pelbagai inisiatif sosial dan kemanusiaan yang bertujuan memperkukuh hubungan dengan masyarakat serta menyokong kebajikan mereka. Antara bentuk bantuan yang telah disalurkan adalah:

- bantuan kepada mangsa kebakaran;
- bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir;
- sumbangan khairat kematian kepada waris;
- program-program di bawah wakalah zakat seperti pemberian peralatan bantuan kesihatan, perubatan, saguhati dan cenderahati kepada anak yatim dan program Back To School; dan
- peluang kepada pelajar daripada institusi Pendidikan Awam/Swasta untuk mendapatkan latihan industri di KPF dan subsidiari.

59. Dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi komuniti FELDA dan anggota koperasi, KPF juga menyediakan pelbagai inisiatif penajaan pendapatan, antaranya:

- memberi peluang kepada anggota koperasi dan Pertubuhan Peneroka menjadi ejen jual beli dan pengalihan Buah Tandan Segar (BTS) di kawasan FELDA terpilih; dan
- menawarkan peluang perniagaan sebagai vendor/kontraktor kepada komuniti tempatan dalam aktiviti operasi ladang milik KPF.

SYOR

60. Agenda ini dibentangkan untuk pengesahan dan kelulusan perwakilan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Bil : (85) KPFMB/ADK(AD)/09/JLD05

Tarikh : 20 April 2026

PENDAHULUAN

1. Mengikut kehendak Seksyen 42A Akta 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan Undang – undang Kecil Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), laporan ini disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45 (MAPT Ke-45).

LATAR BELAKANG

2. Peranan dan kuasa anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah UUK 54. Pelantikan anggota JAD adalah di bawah kuasa Lembaga seperti dinyatakan dalam fasal (g) UUK 43. Komposisi anggota JAD dari bulan Januari sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Tempoh Berkhidmat
Encik Kamarulzaman bin Pondot	Pengerusi	Sepanjang 2025
Puan Roziah binti Mohamed	Anggota	Sepanjang 2025
Encik Mohammed Sunaini bin Yusop	Anggota	Sehingga Jun 2025
Encik Suhaidi bin Hamzah	Anggota	Bermula Julai 2025

PENGENALAN

3. JAD telah melaksanakan tujuh (7) aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2025. Hasil pengauditan dan cadangan penambahbaikan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga KPF.

AKTIVITI JAD SEPANJANG TAHUN 2025

4. Pada tahun 2025, JAD telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali meliputi 26 agenda serta turut mengadakan beberapa perbincangan atau mesyuarat bersama Pengurusan KPF. Kehadiran semua anggota JAD adalah seratus peratus (100%).

PEMBENTANGAN LAPORAN PENGAUDITAN

5. Sepanjang tahun 2025, JAD telah melaksanakan semakan dan pemeriksaan pengauditan ke atas aktiviti perniagaan dan pengurusan Kumpulan seperti berikut:

Tarikh	Entiti Pengauditan	Perkara Pengauditan
27 Jan – 28 Feb 2025	Jabatan Perladangan KPF	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
24 Mac – 30 Apr 2025	KPF Plantation Sdn. Bhd.	Pengesahan laporan aduan berkaitan tadbir urus serta mencadangkan tambah baik sistem kawalan dalaman.
13 Mei – Jul 2025	KPF Niaga Sdn. Bhd.	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik bagi pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
20 Jun – 4 Jul 2025	KPF Hotel Management Sdn. Bhd.	Pengesahan laporan aduan berkaitan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik sistem kawalan dalaman.
1 Ogos – 12 Sep 2025	KPF Plantation Sdn. Bhd.	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik bagi pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
22 Sep – 24 Okt 2025	Audit Susulan Kumpulan	Semakan semula ke atas status semasa serta inisiatif tindakan yang telah diambil terhadap isu audit terdahulu.
27 Okt – 30 Nov 2025	KPF Trading Sdn. Bhd.	Kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap D'Mart Segi Fresh

Tumpuan utama JAD adalah:

- (a) memastikan segala isu yang dibangkitkan diambil tindakan dan ianya tidak berulang;
- (b) setiap aktiviti dan operasi KPF & Kumpulan mematuhi segala peraturan dan undang-undang serta kawalan dalaman; dan
- (c) memastikan matlamat KPF tercapai dan kepentingan pemegang taruh dilindungi.

RUMUSAN

6. JAD berpendapat beberapa penekanan perlu diberikan terhadap beberapa perkara – perkara berikut:
- (a) memperkukuh aliran tunai semasa dan masa akan datang secara strategik;
 - (b) memastikan tadbir urus koperasi berlandaskan perundangan yang telah ditetapkan oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan – Peraturan Koperasi 2010, Garis Panduan (GP), Pekeliling SKM dan Undang – undang Kecil (UUK); dan
 - (c) mempertingkatkan pemantauan operasi serta mengambil tindakan penambahbaikan dengan lebih proaktif bagi memastikan risiko berada di tahap paling minimum.

PENGHARGAAN


JAD merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2025/2026 KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD


.....
(KAMARULZAMAN BIN PONDOT)
Pengerusi


.....
(ROZIAH BINTI MOHAMED)
Ahli


.....
(MOHAMMED SUNAINI BIN YUSOP)
Ahli


.....
(SUHAIDI BIN HAMZAH)
Ahli